

Bajet 2017 sedang dimuktamadkan - Johari

UM 15/10

KUALA LUMPUR 14 Okt. - Bajet 2017 dalam proses dimuktamadkan sebelum dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Parlimen, Jumaat ini.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, oleh yang demikian pada waktu ini, pihaknya tidak boleh mengeluarkan apa-apa kenyataan berhubung intipati Bajet 2017.

"Kesemuanya akan diketahui rakyat pada hari pembentangan. Setakat ini, kita tengah memuktamadkannya," katanya kepada pemberita semasa menghadiri majlis pelancaran program projek khas pembangunan usahawan bumiputera Kios Bergerak 1Malaysia di pekarangan Pejabat Pusat Khidmat Ahli Parlimen Titiwangsa di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Biro Latihan UMNO Bahagian Titiwangsa, Abd. Rahman Asri.

Menurut Johari, Kios Bergerak 1Malaysia adalah satu inisiatif bagi mendorong anak muda tempatan menjadi usa-

hawan gajet.

Katanya, usahawan-usahawan yang dilatih akan dapat menambah pendapatan sampingan yang boleh dibuat secara sambilan atau sepenuh masa.

"Sekarang banyak peniaga hendak berniaga tetapi tidak ada tempat, jadi kita ada kios bergerak untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai dengan harga yang lebih berpatutan.

"Ini merupakan satu benda kreatif yang diusahakan. Apa yang penting adalah komitmen untuk berjaya," ujarnya.

Abd. Rahman memberitahu, program kios bergerak ini akan digerakkan dengan lima buah kenderaan buat permulaan iaitu di kawasan Parlimen Titiwangsa, Wangsa Maju, Setiawangsa, Bandar Tun Razak dan Putrajaya.

Katanya, jenis-jenis perkhidmatan yang dijalankan selain perniagaan aksesori dan membaiki telefon pintar adalah menerima bayaran bil-bil semasa dan tambah nilai kad prabayar.